

22 JUL 1999

Yusof-Umno

ANGGOTA UMNO PERLU JADIKAN PERMINTAAN PERDANA MENTERI SATU PERINGATAN

KUALA TERENGGANU, 22 Julai (Bernama) -- Semua anggota Umno perlu menjadikan permintaan Perdana Menteri supaya anggota komponen Barisan Nasional (BN) tidak mempertikaikan pemilihan calon dalam pilihan raya umum nanti sebagai peringatan.

Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor berkata penekanan yang dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah satu peringatan supaya anggota parti mengutamakan perpaduan dan mengenyepikan kepentingan diri.

"Ini kerana mungkin pada masa ini ada keghairahan untuk menjadi calon," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN meminta anggota parti komponen supaya tidak mempersoalkan pemilihan calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum nanti.

Yusof berkata amalan tidak mempertikaikan pemilihan calon sebelum ini diterima baik oleh semua pihak yang inginkan kemenangan parti dan bukannya kemenangan diri.

Sementara itu, Yusof berkata jika Pas benar-benar ingin menawarkan khidmat kepada negara, mereka terlebih dahulu perlu menunjukkan pengurusan organisasi yang baik.

Beliau berkata sebuah parti yang gagal dalam pengurusan tidak sesuai diberi peluang memerintah negara serta menyambung perjuangan kerajaan untuk kemajuan negara ini.

Beliau juga berkata kualiti yang ada pada pemimpin-pemimpin Pas hari ini juga jauh berbeza jika dibandingkan dengan pengasas parti itu yang tahu menghargai pencapaian kerajaan dan mampu menunjukkan jalan yang baik, katanya.

Beliau berkata jika pembangkang diberi peluang memerintah, semua pembangunan yang dilaksana dan dirancang kerajaan akan berakhir begitu sahaja dan ia akan menjadi satu kemalangan kepada negara.

Beliau meminta rakyat membuat pertimbangan yang baik bagi menilai dan jika tidak berpuas hati dengan kerajaan yang ada, mereka berpeluang untuk mengkritik dengan cara yang baik dan sopan.

Ketika ditanya mengenai laporan akhbar hari ini bahawa terdapat golongan tertentu menyebarkan salinan doa memohon Allah menurunkan serigala membaham pemimpin Umno dan membutakan mata rakyat, Yusof berkata perkara itu agak luar biasa kerana dalam Islam, umatnya digalakkan berdoa untuk kebaikan.

"Bagaimana kita hendak mendoakan kepada rakan yang seagama supaya ditimpa keburukan sedangkan yang paling baik doakan kebaikan...sehingga orang bukan Islam pun kita doakan supaya mereka diberi petunjuk apatah lagi jika sesama Islam," katanya.

-- BERNAMA

SN FAZ